



PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN SEKTOR AWAM NEGERI SABAH ²⁰²¹⁻₂₀₂₅

TRANSFORMASI KERAJAAN DIGITAL SABAH
SABAH DIGITAL GOVERNMENT TRANSFORMATION


“ SABAH MAJU JAYA ”
TERBITAN EDISI KEDUA

PENGENALAN

Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam Negeri Sabah (2021-2025) remaster yang telah dikemaskini semula sebelum ini dicetak dengan nama Pelan Strategik JPKN (PSJPKN 2021-2025) digubal bertujuan untuk menerangkan hala tuju perancangan, pembangunan, pelaksanaan dan penggunaan ICT bagi tempoh 5 (lima) tahun bermula 2021 sehingga 2025, serta menyediakan 1 (satu) pelan tindakan ict yang menyeluruh dan sistematik.

PSPSANS 2021-2025 ini menjadikan PSPSA 2021-2025 sebagai rujukan utama yang mana menjajarkan kepada elemen *Enterprise Architecture (EA)* yang berasas kan 4 domain iaitu bisnes, data, aplikasi dan teknologi.

Pelan strategik ini menekankan pengukuhan kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan bagi membolehkan daya sistem penyampaian Kerajaan yang berimpak tinggi dan merangkumi perkhidmatan berteraskan *Government-to-Government (G2G)*, *Government-to-Citizen (G2C)*, *Government-to-Business (G2B)* dan *Government-to-Employee (G2E)*.



VISI

Peneraju & rujukan utama dalam mengawal selia transformasi Perkhidmatan Awam Negeri Sabah ke arah Kerajaan Digital menjelang 2025



MISI

Memberi perkhidmatan ICT yang cemerlang serta mesra rakyat untuk kemakmuran Negeri Sabah



OBJEKTIF

Mendukung agenda pembangunan negeri khususnya dalam agenda transformasi Kerajaan Digital Sabah



DASAR KUALITI

JPKN komited dalam memberikan perkhidmatan yang berkualiti berasaskan amalan profesionalisme yang cemerlang



MOTO

Profesionalisme Teras Keunggulan

PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN SEKTOR AWAM NEGERI SABAH 2021-2025



MEMPERKUKUH PENGURUSAN DAN PENYELARASAN DATA

Memperkukuh pengurusan dan penyelarasan data di peringkat nasional dan Sektor Awam.

Melaksanakan perancangan, pembangunan dasar dan keputusan berasaskan kepintaran data.

ADAPTASI KEMUNCULAN TEKNOLOGI BARU YANG RELEVAN

Meningkatkan keupayaan sumber melalui perubahan tadbir urus berpusat bagi pelaksanaan inisiatif emerging technologies agensi Sektor Awam.

Melaksanakan pelaksanaan inisiatif berasaskan emerging technologies dalam kalangan agensi Sektor Awam.

PEMANTAPAN PENGURUSAN KEPAKARAN DAN KOMPENTASI

Mengenal pasti keperluan kepakaran ICT melalui persijilan yang sewajarnya dan menghasilkan tenaga pakar bagi menjadikan JPKN sebagai pusat rujukan kepada AKNS.

TRANSFORMASI DIGITAL SISTEM PENYAMPAIAN

Menyediakan perkhidmatan digital yang menyeluruh, efisien dan berorientasikan pengguna. Menstruktur semula ekosistem data dan mengurus maklumat secara bersepadu.

PERMODENAN INFRASTRUKTUR DAN PEMANTAPAN KESELAMATAN DIGITAL

Memantapkan perkhidmatan guna sama ICT dengan nilai tambah penggunaan teknologi terkini yang relevan.

Memastikan penawaran perkhidmatan guna sama ICT yang selamat dan mampan.

PENGUKUHAN TADBIR URUS ICT

Membentuk ekosistem user-oriented whole government dengan bermodelkan kepimpinan ke arah real user-centric, integrated services production and delivery.

PEMERKASAAN PRODUK DAN PERKHIDMATAN

Memartabatkan perkhidmatan JPKN (mengoptimalkan penggunaan produk-produk dan perkhidmatan JPKN).

TERAS 1

TRANSFORMASI DIGITAL SISTEM PENYAMPAIAN

- Memperkasakan penyampaian perkhidmatan digital
- Memperkasakan ekonomi digital melalui inisiatif pendigitalan
- Memperkasakan ekosistem konduktiviti persekitaran kerajaan, digital perjawat awam

01

TERAS 2

PERMODENAN INFRASTRUKTUR DAN PEMANTAPAN KESELAMATAN DIGITAL

- Memperkasakan infrastruktur ICT sektor awam negeri
- Memantapkan keselamatan siber sektor awam negeri

02

TERAS 3

PENGUKUHAN TADBIR URUS ICT KERAJAAN NEGERI SABAH

- Memantapkan tadbir urus digital
- Memperkasakan ekosistem pengurusan pemodenan bagi menerajui pendigitalan sektor awam
- Memperkasakan kepimpinan strategik sektor awam

03

TERAS 4

PEMERKASAAN PRODUK DAN PERKHIDMATAN

- Memperluas pelaksanaan produk dan perkhidmatan JPKN
- Memantapkan daya saing produk JPKN

04

TERAS 5

PEMERKASAAN PENYEGARAN MODAL INSAN TEKNIKAL ICT

- Memperkasakan keupayaan dan pergaulan bakat pemimpin digital
- Memperkukuh pengurusan dan pergerakan bakat personal perkhidmatan sistem maklumat
- Memantapkan kompetensi digital personal sektor awam

05

TERAS 6

ADAPTASI KEMUNCULAN TEKNOLOGI BAHARU YANG RELEVAN

- Mengurus dan menyelaras adaptasi kemunculan teknologi baru
- Transformasi penyampaian perkhidmatan digital kerajaan melalui kemunculan teknologi baru

06

TERAS 7

MEMPERKUKUH PENGURUSAN DAN PENYELARASAN DATA

- Mengukuhkan pengurusan dan penyelarasan data
- Memperkasakan penyampaian perkhidmatan yang berasaskan data

07

TERAS STRATEGIK 1

TRANSFORMASI DIGITAL SISTEM PENYAMPAIAN

Kerajaan Negeri akan menyampaikan perkhidmatan digital yang terbaik dan berkualiti serta menepati kehendak pengguna. Bagi memastikan pengguna dapat menikmati manfaat penggunaan perkhidmatan, penekanan diberikan kepada perkhidmatan digital yang boleh dipercayai dan efisien.

Perkhidmatan digital akan dilebar luas secara menyeluruh supaya boleh diakses oleh sesiapa sahaja pada bila-bila masa, di mana saja dengan menggunakan peralatan mudah alih. (*Accessible by Anyone At Anytime, Anywhere by Any mobile device*).

Objektif :

Menyediakan perkhidmatan digital yang menyeluruh, efisien dan berorientasikan pengguna. Menstruktur semula ekosistem data dan mengurus maklumat secara bersepadu. Memantapkan kandungan digital berteraskan keperluan dan tuntutan semasa.

STRATEGI 1 PEMERKASAAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN DIGITAL

P1 PENINGKATAN PERKHIDMATAN DIGITAL

P2 PENINGKATAN PERKHIDMATAN DIGITAL SEKTOR AWAM MELALUI PENDEKATAN ENTERPRISE ARCHITECTURE

P3 PENGADAPTASIAN PELAKSANAAN IDENTITI DIGITAL NASIONAL DAN SABAH PEOPLE HUB

P4 PEMANTAPAN PERKHIDMATAN APLIKASI MUDAH ALIH SISTEM PENYAMPAIAN KERAJAAN

STRATEGI 2 PEMERKASAAN EKONOMI DIGITAL MELALUI INISIATIF PENDIGITALAN

P1 PEMANTAPAN INISIATIF MASYARAKAT TANPA TUNAI

STRATEGI 3 PEMERKASAAN EKOSISTEM KONDUSIF PERSEKITARAN KERAJAAN DIGITAL PENJAWAT AWAM

P1 PEMANTAPAN PERKHIDMATAN APLIKASI GENERIK KERAJAAN

P2 PEMANTAPAN PENGURUSAN MEMORI INSTITUSI SEKTOR AWAM NEGERI

STRATEGI 1

PEMERKASAAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN DIGITAL

P1 PENINGKATAN PERKHIDMATAN DIGITAL

A1 Memantapkan dan menambah baik portal sabahgov

A2 Mengintegrasikan perkhidmatan digital berdasarkan kehendak / perspektif rakyat yang melibatkan perkhidmatan merentas kerajaan, swasta, industri dan rakyat.

A3 Migrasi Single Sign On (SSO) & pengdaptasian Identiti Digital Nasional dan Sabah People Hub untuk semua perkhidmatan digital kerajaan negeri.

P2 PENINGKATAN PERKHIDMATAN DIGITAL SEKTOR AWAM MELALUI PENDEKATAN ENTERPRISE ARCHITECTURE

A1 Mewujudkan reka bentuk perkhidmatan digital end-to-end berdasarkan kluster perkhidmatan utama SMJ iaitu pertanian, industri, pelancongan, ekonomi, sosial, infrastruktur, keselamatan dan pentadbiran awam

A2 Melaksanakan pembudayaan dan peningkatan keupayaan agensi dalam mereka bentuk ekosistem perkhidmatan digital Sektor Awam melalui penggunaan gambaran arkitektur secara menyeluruh.

P3 PENGADAPTASIAN PELAKSANAAN IDENTITI DIGITAL NASIONAL DAN SABAH PEOPLE HUB

A1 Memanfaatkan perkhidmatan perundingan Identiti Digital Nasional dan Sabah People Hub untuk perluasandi seluruh penyampaian perkhidmatan Kerajaan Negeri.

P4 PEMANTAPAN PERKHIDMATAN APLIKASI MUDAH ALIH SISTEM PENYAMPAIAN KERAJAAN

A1 Mewujudkan platform galeri aplikasi mudah alih Kerajaan Negeri

A2 Membangunkan aplikasi mudah alih sistem penyampaian kerajaan

STRATEGI 2

PEMERKASAAN EKONOMI DIGITAL MELALUI INISIATIF PENDIGITALAN

P1 PEMANTAPAN INISIATIF MASYARAKAT TANPA TUNAI

A1

Mengeluarkan garis panduan perkhidmatan pembayaran tanpa tunai yang piawai bagi urusan kerajaan

A2

Meluaskan pelaksanaan penggunaan perkhidmatan pembayaran tanpa tunai dalam Sektor Awam Negeri Sabah

STRATEGI 3

PEMERKASAAN EKOSISTEM KONDUSIF PERSEKITARAN KERAJAAN DIGITAL PENJAWAT AWAM

P1 PEMANTAPAN PERKHIDMATAN APLIKASI GENERIK KERAJAAN

A1
Meluaskan promosi penggunaan aplikasi generik Sektor Awam Negeri Sabah

A2
Mewujudkan mekanisme perancangan, penyelarasan pembangunan dan pelaksanaan perkongsian pintar aplikasi generik

A3
Meluaskan penggunaan repositori aplikasi generik Kerajaan Negeri kepada semua agensi-agensi Kerajaan Negeri

P2 PEMANTAPAN PENGURUSAN MEMORI INSTITUSI SEKTOR AWAM NEGERI

A1
Memantapkan pengurusan ekosistem kerja digital Sektor Awam Negeri

A2
Memanfaatkan repositori pengurusan pengetahuan Sektor Awam yang dibangunkan oleh JPKN

TERAS STRATEGIK 2 PERMODENAN INFRASTRUKTUR DAN PEMANTAPAN KESELAMATAN DIGITAL

Pemodenan Infrastruktur ICT adalah komponen penting untuk **membolehkan perkhidmatan disediakan secara tak berkelim (seamless)** kepada pelanggan. Penggunaan sumber yang optimum dan terurus dapat meningkatkan kecekapan perkhidmatan dan implikasi kos, selain berkeupayaan menyokong penyampaian perkhidmatan yang berkualiti dan konsisten kepada pelanggan.

Teras ini juga menfokuskan usaha **menambah baik keselamatan siber** melalui pendekatan memastikan persekitaran capaian perkhidmatan yang selamat dan boleh dipercayai bagi melindungi data peribadi dan privasi maklumat.

Ciri-ciri keselamatan yang sentiasa dipertingkatkan dalam sistem rangkaian

dan infrastruktur ICT akan memantapkan perlindungan aset ICT Kerajaan serta meningkatkan keyakinan rakyat terhadap perkhidmatan yang ditawarkan.

Objektif :

1. Memantapkan perkhidmatan guna sama ICT dengan nilai tambah penggunaan teknologi terkini yang relevan.
2. Meningkatkan keberkesanan tahap keselamatan ICT dan memastikan kesinambungan penyampaian perkhidmatan digital yang selamat dan boleh dipercayai serta melindungi maklumat peribadi rakyat.

STRATEGI 1 PEMERKASAAN INFRASTRUKTUR ICT SEKTOR AWAM NEGERI

P1 PENYELARASAN DAN PENGUKUHAN PERKHIDMATAN RANGKAIAN KERAJAAN NEGERI SABAH

P2 PEMERKASAAN PERKHIDMATAN PUSAT DATA

STRATEGI 2 PEMANTAPAN KESELAMATAN SIBER SEKTOR AWAM NEGERI

P1 PEMANTAPAN KESELAMATAN DATA

P2 PEMANTAPAN KESELAMATAN INFRASTRUKTUR

STRATEGI 1

PEMERKASAAN INFRASTRUKTUR ICT SEKTOR AWAM NEGERI

P1 PENYELARASAN DAN PENGUKUHAN PERKHIDMATAN RANGKAIAN KERAJAAN NEGERI SABAH

Melaksanakan dan menaik taraf infrastruktur rangkaian setempat (LAN) Agensi Kerajaan Negeri

A1

Melaksanakan pemasangan infrastruktur rangkaian setempat tanpa wayar (Wireless LAN) Agensi Kerajaan Negeri

A2

Melaksanakan pemantauan prestasi rangkaian SabahNet secara berjadual

A3

Melaksanakan akses rangkaian tanpa wayar yang lancar (*seamless*) di semua premis kerajaan.

A4

P2 PEMERKASAAN PERKHIDMATAN PUSAT DATA

Menguuhkan aspek ICT dan infrastruktur Pusat Data untuk memenuhi keperluan Agensi Kerajaan Negeri Sabah

A1

Mengkaji dan melaksanakan hybrid cloud computing bagi menyokong pelaksanaan Emerging Technologies

A2

Menaiktaraf Pusat Pemulihan Bencana Negeri, JPKN

A3

Menambahbaik dan memperluas perkhidmatan Cloud Storage kepada warga kerja Agensi Kerajaan Negeri Sabah

A4

STRATEGI 2

PEMANTAPAN KESELAMATAN SIBER SEKTOR AWAM NEGERI

P1 PEMANTAPAN KESELAMATAN DATA

A1 Melaksana Pelan Induk Kesedaran Keselamatan Siber Negara (PIKKS) yang dikeluarkan di peringkat negeri

A2 Memantapkan Pengurusan Governance, Risk and Compliance (GRC)

A3 Pembangunan dan Peningkatan Cyber Threat Resilience

P2 PEMANTAPAN KESELAMATAN INFRASTRUKTUR

A1 Mengkaji dan merangka mekanisma pemantauan keselamatan

A2 Menaik taraf perkhidmatan pemantauan keselamatan Pusat Data Kerajaan Negeri (PDKN)

TERAS STRATEGIK 3

Transformasi digital sektor awam sangat bergantung kepada fokus, tadbir urus (governance) dan kordinasi serta kerjasama antara kerajaan khususnya dalam memandu penggunaan ICT untuk membentuk ekosistem berorientasikan pengguna seluruh kerajaan (user-oriented whole government). Model tadbir urus (governance) yang kukuh, iaitu peranan, tanggungjawab pihak berwajib serta lintas sektoral (cross sectoral) dalam membuat keputusan dan memastikan kordinasi serta kerjasama adalah amat perlu dalam kejayaan transformasi digital. Penglibatan yang tinggi daripada semua pemegang taruh (stakeholders) di pelbagai peringkat juga adalah faktor penting

PENGUKUHAN TADBIR URUS ICT KERAJAAN NEGERI SABAH

dalam menentukan tahap kejayaan transformasi digital dengan bermodelkan kepimpinan ke arah pengguna sentrik sebenar perkhidmatan produk dan serahan terpadu (real user-centric, integrated services production and delivery). Dengan itu, pengukuhan tadbir urus ICT secara holistik dan keajaif perlu dilaksanakan di Kerajaan Negeri Sabah.

Objektif :

Untuk memperkasakan entiti ICT bagi memacu pembangunan ICT Kerajaan Negeri Sabah ke arah Kerajaan Digital.

STRATEGI 1 PEMANTAPAN TADBIR URUS DIGITAL

P1 RASIONALISASI TADBIR URUS DIGITAL

P2 PEMBANGUNAN PEKELILING DAN GARIS PANDUAN INISIATIF DIGITAL DAN DATA

P3 PEMANTAPAN JAMINAN KUALITI PERKHIDMATAN DIGITAL

P4 PEMANTAPAN PENGURUSAN PEROLEHAN PROJEK DIGITAL SEKTOR AWAM

STRATEGI 2 PEMERKASAAN EKOSISTEM PENGURUSAN PEMODENAN BAGI MENERAJUI PENDIGITALAN SEKTOR AWAM

P1 PEMBANGUNAN ORGANISASI PENERAJU PERKHIDMATAN DIGITAL SEKTOR AWAM

P2 RASIONALISASI STRUKTUR DAN FUNGSI PERKHIDMATAN DIGITAL SEKTOR AWAM

P3 PEMANTAPAN EKOSISTEM PERKHIDMATAN AWAM

STRATEGI 3 PEMERKASAAN KEPIMPINAN STRATEGIK SEKTOR AWAM

P1 PEMERKASAAN PERANAN KETUA PEGAWAI DIGITAL (CDO)

P2 PEMANTAPAN PENGURUSAN ICT KEMENTERIAN/ AGENSI

STRATEGI 1

PEMANTAPAN TADBIR URUS DIGITAL

P1 RASIONALISASI TADBIR URUS DIGITAL

A1 Mewujudkan Sabah Digital & Multimedia Authority (SDMA) yang menentukan hala tuju Kerajaan dalam memacu agenda pendigitalan negeri.

A2 Memperkasakan jawatankuasa sedia ada yang berkaitan dengan ICT/Digital

P2 PEMBANGUNAN PEKELILING DAN GARIS PANDUAN INISIATIF DIGITAL DAN DATA

A1 Mewujudkan dan mengadaptasi pekeliling/garis panduan yang relevan dengan pendigitalan Sektor Awam

A2 Memperkukuhkan naziran pekeliling/garis panduan pendigitalan Sektor Awam

P3 PEMANTAPAN JAMINAN KUALITI PERKHIDMATAN DIGITAL

A1 Mengadaptasi struktur tadbir urus jaminan kualiti perisian Sektor Awam

P4 PEMANTAPAN PENGURUSAN PEROLEHAN PROJEK DIGITAL SEKTOR AWAM

A1 Menyediakan pekeliling/garis panduan bagi pengurusan projek ICT.

STRATEGI 2

PEMERKASAAN EKOSISTEM PENGURUSAN PEMODENAN BAGI MENERAJUI PENDIGITALAN SEKTOR AWAM

P1 PEMBANGUNAN ORGANISASI PENERAJU PERKHIDMATAN DIGITAL SEKTOR AWAM

A1

Mewujudkan satu Bahagian khusus peneraju pendigitalan sektor awam

P1 RASIONALISASI STRUKTUR DAN FUNGSI PERKHIDMATAN DIGITAL SEKTOR AWAM

A1

Membangunkan rangka Pelan Pendigitalan Sektor Awam

A2

Menyediakan Pelan Pendigitalan Sektor Awam

A3

Memantau pelaksanaan Pelan Pendigitalan Sektor Awam

P2 PEMANTAPAN EKOSISTEM PERKHIDMATAN AWAM

A1

Membangunkan mekanisme ekosistem pemodenan penyampaian sektor awam.

A2

Mengoptimumkan inovasi proses kerja bagi pemodenan perkhidmatan awam

STRATEGI 3

PEMERKASAAN KEMPIMPINAN STRATEGIK SEKTOR AWAM

P1 PEMERKASAAN PERANAN KETUA PEGAWAI DIGITAL (CDO)

A1

Mewujudkan Chief Digital Officer (CDO) di peringkat Kementerian/Agensi

A2

Menempatkan dan memperkasakan peranan CDO di peringkat Kementerian/Agensi

P2 PEMANTAPAN PENGURUSAN ICT KEMENTERIAN/ AGENSI

A1

Mewujudkan Kumpulan Inovasi Digital di peringkat Kementerian/Agensi

A2

Memperkasakan peranan Kumpulan Inovasi Digital di peringkat Kementerian/Agensi

A3

Menambahbaik peranan Ketua KSIT/Ketua Cawangan di peringkat Agensi Kerajaan

TERAS STRATEGIK 4 PEMERKASAAN PRODUK DAN PERKHIDMATAN

Selaku perintis kepada program pembangunan ICT di Kerajaan Negeri Sabah, JPKN adalah agensi yang berpengalaman dalam menghasilkan produk dan perkhidmatan ICT. Pengkomersialan produk dan perkhidmatan ICT wajar dilaksanakan selaras dengan peningkatan permintaan yang ketara.

Objektif :

Memartabatkan perkhidmatan JPKN (mengoptimumkan penggunaan produk-produk dan perkhidmatan JPKN).

STRATEGI 1 PERLUASAN PELAKSANAAN PRODUK DAN PERKHIDMATAN

P1 PERLUASAN DAN PENGGERAK UTAMA BAGI PERKHIDMATAN DIGITAL AKNS

P2 PENINGKATAN PROMOSI PERKHIDMATAN

STRATEGI 1

PERLUASAN PELAKSANAAN PRODUK DAN PERKHIDMATAN

P1 PERLUASAN DAN PENGGERAK UTAMA BAGI PERKHIDMATAN DIGITAL AKNS

A1 Menjenamakan produk dan perkhidmatan ICT Jabatan.

A1

A2 Menetapkan penjenamaan untuk perkhidmatan digital sektor awam.

A2

A3 Mendapatkan pengiktirafan harta intelek bagi produk yang berimpak tinggi

A3

A4 Peneraju utama dalam perkhidmatan multimedia sektor awam.

A4

P2 PEMERKASAAN PERKHIDMATAN PUSAT DATA

A1 Menyelaraskan promosi dan perkhidmatan jabatan secara menyeluruh. (Roadshow).

A1

A2 Kolaborasi/ penyelarasan makmal inovasi berasaskan emerging technology (boleh bekerjasama dengan Majlis Pembangunan Teknologi dan Inovasi (MaPTIS) untuk mempromosikan inovasi).

A2

TERAS STRATEGIK 5

PEMERKASAAN DAN PENYEGARAN MODAL INSAN

Perkembangan Teknologi ICT yang pantas dan semakin kompleks, memerlukan kakitangan awam khususnya personel ICT yang profesional dan berkeupayaan bagi menjayakan hala tuju kerajaan sebagai peneraju transformasi digital sektor awam. Sehubungan dengan itu, kakitangan awam perlu sentiasa peka dan bersedia untuk mengikuti perubahan yang berlaku. Walau bagaimanapun, sikap silo dan sambalewa terhadap perubahan teknologi dalam kalangan kakitangan awam adalah antara cabaran yang perlu diatasi bagi mencapai hala tuju ini. Selain daripada itu, personal ICT yang kurang kemahiran insani (soft skill), kemahiran yang tidak dikekalkan di jabatan, inisiatif perkongsian ICT yang tidak diperluaskan, dan lain - lain lagi juga perlu diberikan perhatian.

Bagi menyelesaikan cabaran dan halangan ini, beberapa inisiatif dicadangkan untuk dilaksanakan sepanjang tempoh lima (5) tahun.

Objektif :

Mengenalpasti keperluan kepakaran ICT dan membina kemahiran digital melalui persijilan yang sewajarnya. Menghasilkan tenaga pakar bagi menjadikan JPKN sebagai pusat rujuk kepada AKNS. Memberi konsultansi kepada AKNS dalam menjadi peneraju Transformasi Digital. Memperkukuh keupayaan perkhidmatan awam dalam penggunaan teknologi maklumat.

STRATEGI 1 PEMERKASAAN KEUPAYAAN DAN PENGEKALAN BAKAT PEMIMPIN DIGITAL

P1 PEMERKASAAN PROGRAM KEPIMPINAN DIGITAL

STRATEGI 2 PENGUKUHAN PENGURUSAN DAN PENGEKALAN BAKAT PERSONEL PERKHIDMATAN SISTEM MAKLUMAT

P1 PEMERKASAAN PENGURUSAN MODAL INSAN DAN KEMAJUAN KERJAYA PERSONEL PERKHIDMATAN SISTEM MAKLUMAT

P2 PEMANTAPAN DAN PENGEKALAN BAKAT PERSONEL PERKHIDMATAN SISTEM MAKLUMAT

P3 PEMBANGUNAN KEUPAYAAN KOMPETENSI PERSONEL PERKHIDMATAN SISTEM MAKLUMAT

STRATEGI 3 PEMANTAPAN KOMPETENSI DIGITAL PERSONEL SEKTOR AWAM

P1 PEMBANGUNAN PUBLIC SECTOR DIGITAL TALENT

STRATEGI 1

PEMERKASAAN KEUPAYAAN DAN PENGEKALAN BAKAT PEMIMPIN DIGITAL

P1 PEMERKASAAN PROGRAM KEPIMPINAN DIGITAL

A1
Melaksanakan program peningkatan kesedaran digital bagi kepimpinan digital.

A2
Mewujudkan Special Interest Group (SIG) di kalangan CIO, CDO dan ICTSO, Akademik, Swasta, AginIT.

A3
Mengadakan lawatan eksekutif dalam negara (exposure visit). Smart City Implementation, Green Technology Adoption

STRATEGI 2

PENGUKUHAN PENGURUSAN DAN PENGEKALAN BAKAT PERSONEL PERKHIDMATAN SISTEM MAKLUMAT

P1 PEMERKASAAN PENGURUSAN MODAL INSAN DAN KEMAJUAN KERJAYA PERSONEL PERKHIDMATAN SISTEM MAKLUMAT

A1

Memantapkan mekanisme penempatan Personel Perkhidmatan Sistem Maklumat mengikut bidang kepakaran.

A2

Mengukuhkan pelan penggantian untuk penempatan Personel Perkhidmatan Sistem Maklumat.

P2 PEMANTAPAN DAN PENGEKALAN BAKAT PERSONEL PERKHIDMATAN SISTEM MAKLUMAT

A1

Membangunkan pelan kompetensi merangkumi silibus kursus mengikut bidang kepakaran.

A2

Membangunkan kompetensi melalui kolaborasi strategik bersama-sama dengan kumpulan akademia dan pihak industri.

A3

Meningkatkan Pengiktirafan Persijilan Profesional mengikut bidang kepakaran

P3 PEMBANGUNAN KEUPAYAAN KOMPETENSI PERSONEL PERKHIDMATAN SISTEM MAKLUMAT

A1

Memperkasakan pelan pembangunan keupayaan kompetensi Personel Perkhidmatan Sistem Maklumat.

A2

Melaksanakan program keupayaan kompetensi Personel Perkhidmatan Sistem Maklumat.

STRATEGI 3

PEMANTAPAN KOMPETENSI DIGITAL PERSONEL SEKTOR AWAM

P1 PEMBANGUNAN PUBLIC SECTOR DIGITAL TALENT

A1 Mengadaptasi Public Sector Digital Talent Roadmap seiring dengan Perkembangan teknologi semasa.

A2 Melaksanakan program pembangunan kompetensi berdasarkan roadmap.

A3 Membangunkan kompetensi melalui kolaborasi strategik bersama-sama kumpulan akademik dan pihak industri

TERAS STRATEGIK 6 ADAPTASI KEMUNCULAN TEKNOLOGI BAHARU YANG RELEVEN

Teknologi Baharu akan membantu Kerajaan Negeri mengatasi pelbagai cabaran globalisasi, perubahan iklim, ketidakpastian ekonomi dunia dan era pandemik yang dihadapi. Dengan penggunaan teknologi dan data yang berkesan, Sektor Awam Negeri boleh membantu menyampaikan perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat, mewujudkan tempat tinggal yang lebih bijak dan hijau serta menyediakan penjagaan kesihatan dan pendidikan yang lebih baik kepada masyarakat Sabah umumnya.

Kerajaan Negeri akan terus berusaha dalam pemodenan sistem penyampaian, menggunakan teknologi awan dan meneroka teknologi baharu, seperti IoT (Internet of Things) dan Kepintaran Buatan (AI). Teknologi akan senantiasa berkembang dan memberi impak kepada persekitaran kita dan perkhidmatan yang Kerajaan Negeri sediakan kepada rakyat.

Teknologi boleh menjadi sekutu terbaik dalam membantu mengurangkan birokrasi dan menambah baik penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat. Oleh itu, teknologi baharu memberi kita peluang yang luas dalam cara kita boleh menggunakan sistem dan data untuk mencapai matlamat kita.

Objektif :

1. Meningkatkan keupayaan sumber melalui penubuhan tadbir urus berpusat bagi pelaksanaan inisiatif emerging technologies agensi Sektor Awam.
2. Melonjakkan pelaksanaan inisiatif berasaskan emerging technologies dalam kalangan agensi Sektor Awam.

STRATEGI 1 PENGURUSAN DAN PENYELARASAN ADAPTASI EMERGING TECHNOLOGIES

P1 PEMERKASAAN TADBIR URUS KEMUNCULAN TEKNOLOGI BARU SEKTOR AWAM

STRATEGI 2 TRANSFORMASI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN DIGITAL KERAJAAN MELALUI EMERGING TECHNOLOGIES

P1 KOLABORASI /PENYELARASAN MAKMAL INOVASI KERAJAAN

STRATEGI 1

PENGURUSAN DAN PENYELARASAN ADAPTASI EMERGING TECHNOLOGIES

P1 PEMERKASAAN TADBIR URUS KEMUNCULAN TEKNOLOGI BARU SEKTOR AWAM

Mengguna pakai dasar/garis panduan sedia ada ke arah pelaksanaan emerging technologies merangkumi kerangka pelaksanaan dan garis panduan.

A1

STRATEGI 2

TRANSFORMASI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN DIGITAL KERAJAAN MELALUI EMERGING TECHNOLOGIES

P1

KOLABORASI /PENYELARASAN MAKMAL INOVASI KERAJAAN

Berkolaborasi/penyelarasan makmal inovasi (dengan academia/ scenic) berasaskan emerging technology

A1

TERAS STRATEGIK 7 MEMPERKUKUH PENGURUSAN DAN PENYELARASAN DATA

Data terbuka ialah data yang boleh digunakan secara bebas, boleh dikongsikan dan digunakan semula oleh rakyat, agensi Kerajaan dan swasta untuk pelbagai tujuan. Ia berperanan sebagai penggerak dalam inisiatif Kerajaan berpaksikan rakyat. Pelaksanaan data terbuka Kerajaan dapat meningkatkan ketelusan penyampaian perkhidmatan Kerajaan menerusi perkongsian data yang tepat, cepat dan relevan di samping meningkatkan produktiviti ekonomi digital negara melalui industri atau inovasi baharu dengan penglibatan rakyat dan komuniti perniagaan. Ia juga meletakkan Malaysia setaraf dengan negara lain dalam inisiatif Kerajaan Digital.

Dengan itu, JPKN akan menyokong kepada Inisiatif Data Terbuka selaras dengan Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2015: Pelaksanaan Data Terbuka sebagai panduan kepada kementerian/ agensi dalam pelaksanaan data terbuka bagi menggalakkan perkongsian data, di samping meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan dengan lebih mudah, cepat dan telus.

Pekeliling tersebut juga mengandungi panduan berkaitan Prinsip Data Terbuka, tadbir urus yang mantap, langkah penyediaan dan penerbitan set data. Dasar dan Garis Panduan ICT Sektor Awam adalah terpakai kepada semua agensi Kerajaan.

Garis Panduan Data Terbuka turut menjelaskan sepuluh (10) prinsip data terbuka sektor awam berdasarkan amalan terbaik global iaitu Data lengkap (Complete data); Sumber Utama (Primary Source); Terkini (Timely); Kebolehcapaian (Accessible); Kebolehbacaan Mesin (Machine readable); Tanpa-Diskriminasi (Non-discriminatory); Penggunaan Standard Terbuka (Use of Open Standard); Pengarkiban Data (Permanent); Hak Penggunaan (Licensing); dan Kos Penggunaan (Usage Costs).

Sumber : <https://www.malaysia.gov.my/portal/content/30588?language=my>

Objektif :

- (i) Menggalakkan perkongsian data antara agensi sektor awam, swasta dan rakyat.
- (ii) Meningkatkan kualiti dan ketelusan penyampaian perkhidmatan melalui perkongsian data terbuka secara dalam talian yang berpaksikan rakyat.
- (iii) Menggalakkan produktiviti ekonomi digital melalui pewujudan industri atau inovasi baharu dengan penglibatan rakyat dan komuniti perniagaan.

STRATEGI 1 PENGUKUHAN PENGURUSAN DAN PENYELARASAN DATA

- P1** PENGUKUHAN PENGURUSAN DAN PENYELARASAN DATA
- P2** PENGUKUHAN STRUKTUR TADBIR URUS DATA
- P3** PENGUKUHAN HAB PERKONGSIAN DAN PENGURUSAN DATA

STRATEGI 2 PEMERKASAAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN BERASASKAN DATA

- P1** PERLUASAN INISIATIF ANALITIK DATA RAYA SEKTOR AWAM (DRSA)
- P2** PEMBANGUNAN ANALITIK DATA RAYA DAN KECERDASAN BUATAN SEKTOR AWAM

STRATEGI 1

PENGUKUHAN PENGURUSAN DAN PENYELARASAN DATA

P1 PENGUKUHAN PENGURUSAN DAN PENYELARASAN DATA

A1
Menyelaras & menyediakan mekanisma perkongsian data.

A2
Menyediakan perkhidmatan analisis data.

P2 PENGUKUHAN STRUKTUR TADBIR URUS DATA

A1
Menubuhkan sebuah unit baharu yang menerajui pelaksanaan inisiatif data. Bahagian Inovasi Digital & Data Raya.

A2
Mewujudkan tadbir urus data negeri.

A3
Mengadaptasi hala tuju nasional (National Data Strategy).

P3 PEMBANGUNAN KEUPAYAAN KOMPETENSI PERSONEL PERKHIDMATAN SISTEM MAKLUMAT

A1
Mengoptimimum hab perkongsian dan penggunaan data kerajaan iaitu penubuhan DIIP (data integration and interchange platform) di pusat data kerajaan sabah.

A2
Melaksana peningkatan dan migrasi portal hab perkongsian & pengurusan data.

A3
Melaksana peningkatan perkhidmatan integrasi & web services (API).

STRATEGI 2

PEMERKASAAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN BERASASKAN DATA

P1 PERLUASAN INISIATIF ANALITIK DATA RAYA SEKTOR AWAM (DRSA)

A1 Mengkaji dan mengenalpasti produk data raya berimpak tinggi sektor awam Negeri.

A2 Membangunkan produk data raya berimpak tinggi sektor Awam Negeri.

A3 Memperluas produk data raya berimpak tinggi merentasi sektor awam negeri dan pemain industri.

P2 PEMBANGUNAN ANALITIK DATA RAYA DAN KECERDASAN BUATAN SEKTOR AWAM

A1 Kajian kesediaan pelaksanaan analitis data raya dan kecerdasan buatan sektor awam Negeri.

A2 Membangunkan inisiatif analitis data raya dan kecerdasan buatan sektor awam Negeri.

A3 Melaksana kajian keberkesanan dan impak pelaksanaan data raya dan kecerdasan buatan sektor awam bagi ramalan dalam pembuatan keputusan.

A4 Memberikan khidmat perundingan dan menjadi pakar rujuk dalam bidang analitis data raya dan kecerdasan buatan di peringkat sektor Awam Negeri.

A5 Melaksana penyelidikan inovasi analitik data raya dan kepintaran data.

TERAS STRATEGIK

1.

TRANSFORMASI DIGITAL SISTEM PENYAMPAIAN

S1 PEMERKASAAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN DIGITAL		PENERAJU UTAMA	2021	2022	2023	2024	2025
P1. Peningkatan Perkhidmatan Digital	A1. Memantapkan dan menambah baik Portal SabahGov.	KSTI SNET JPKN			●	●	●
	A2. Mengintegrasikan perkhidmatan digital berdasarkan kehendak / perspektif rakyat yang melibatkan perkhidmatan merentas kerajaan, swasta, industri dan rakyat.	JPKN, BKD, JPAN, SNET, AGENSI KERAJAAN NEGERI			●	●	●
	A3. Migrasi Single Sign On (SSO) dan pengdaptasian Identiti Digital Nasional dan Sabah People Hub untuk semua perkhidmatan digital kerajaan negeri.	JPKN, BKD, JPAN, SNET, AGENSI KERAJAAN NEGERI				●	●
P2. Peningkatan Perkhidmatan Digital Sektor Awam Melalui Pendekatan Enterprise Architecture	A1. Mewujudkan reka bentuk perkhidmatan digital end-to-end berdasarkan kluster perkhidmatan utama SMJ iaitu pertanian, industri, pelancongan, ekonomi, sosial, infrastruktur, keselamatan dan pentadbiran awam.	JPKN, BKD, JPAN, UPEN, KPMKR, JKR, PHEDNP			●	●	●
	A2. Melaksanakan pembudayaan dan peningkatan keupayaan agensi dalam mereka bentuk ekosistem perkhidmatan digital Sektor Awam melalui penggunaan gambaran arkitektur secara menyeluruh.	JPKN				●	●
P3. Pengadaptasian pelaksanaan Identiti Digital Nasional dan Sabah People Hub	A1. Memanfaatkan perkhidmatan perundingan Identiti Digital Nasional dan Sabah People Hub untuk perluasan di seluruh penyampaian perkhidmatan Kerajaan Negeri. <ul style="list-style-type: none"> ● Kolaborasi bersama Kerajaan Persekutuan dan Agensi lain ● Rundingan bersama Jabatan Pendaftaran Negara 	JPKN, BKD, PHEDNP				●	●
P4. Pemantapan Perkhidmatan Aplikasi Mudah Alih Sistem Penyampaian Kerajaan	A1. Mewujudkan platform galeri aplikasi mudah alih Kerajaan Negeri.	JPKN				●	●
	A2. Membangunkan aplikasi mudah alih sistem penyampaian kerajaan	JPKN, BKD, JPAN, AGENSI KERAJAAN NEGERI				●	●

TERAS STRATEGIK

1.

TRANSFORMASI DIGITAL SISTEM PENYAMPAIAN

S2 PEMERKASAAN EKONOMI DIGITAL MELALUI INISIATIF PENDIGITALAN

PENERAJU UTAMA

P1. Pemantapan Inisiatif Masyarakat Tanpa Tunai

A1. Mengeluarkan garis panduan perkhidmatan pembayaran tanpa tunai yang piawai bagi urusan kerajaan.

KEM KEWANGAN

JPKN


JBN

JAB PEGUAM BESAR NEGERI

A2. Meluaskan pelaksanaan penggunaan perkhidmatan pembayaran tanpa tunai dalam Sektor Awam Negeri Sabah.

KEM KEWANGAN

JPKN



S3 PEMERKASAAN EKOSISTEM KONDUSIF PERSEKITARAN KERAJAAN DIGITAL PENJAWAT AWAM

PENERAJU UTAMA

P1. Pemantapan Perkhidmatan Aplikasi Generik Kerajaan.

A1. Meluaskan promosi penggunaan aplikasi generik Sektor Awam Negeri Sabah.

JPKN

A2. Mewujudkan mekanisma perancangan, penyelarasan pembangunan dan pelaksanaan perkongsian pintar aplikasi generik.

JPKN

A3. Meluaskan penggunaan repositori aplikasi Kerajaan Negeri kepada semua agensi-agensi Kerajaan Negeri.

JPKN

P2. Pemantapan Pengurusan Memori Institusi Sektor Awam Negeri

A1. Memantapkan pengurusan ekosistem kerja digital Sektor Awam Negeri


- Platform/SOP dimana maklumat/info akan disimpan didalam arkib (bank memori)

JPKN

A2. Memanfaatkan repositori pengurusan pengetahuan Sektor Awam Negeri.

JPKN

AGENSI KERAJAAN NEGERI



TERAS STRATEGIK

2.

PERMODENAN INFRASTRUKTUR DAN PEMANTAPAN KESELAMATAN DIGITAL

S1 PEMERKASAAN INFRASTRUKTUR ICT SEKTOR AWAM NEGERI

PENERAJU UTAMA

			2021	2022	2023	2024	2025
P1. Penyelarasan dan Pengukuhan Perkhidmatan Rangkaian Kerajaan Negeri Sabah.	A1. Melaksanakan dan menaik taraf infrastruktur rangkaian setempat (LAN) Agensi Kerajaan Negeri.	JPKN	●	●	●	●	●
	A2. Melaksanakan pemasangan infrastruktur rangkaian setempat tanpa wayar (Wireless LAN) Agensi Kerajaan Negeri.	JPKN		●	●	●	●
	A3. Melaksanakan pemantauan prestasi rangkaian SabahNet secara berjadual.	JPKN				●	●
P2. Pemerkasaan Perkhidmatan Pusat Data	A1. Mengukuhkan aspek ICT dan infrastruktur Pusat Data untuk memenuhi keperluan Agensi Kerajaan Negeri Sabah	JPKN	●	●	●	●	●
	A2. Mengkaji dan melaksanakan hybrid cloud computing bagi menyokong pelaksanaan Emerging Technologies.	JPKN			●	●	●
	A3. Menaik taraf Pusat Pemulihan Bencana Negeri Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri Sabah.	JPKN	●	●	●	●	●
	A4. Menambahbaik dan memperluas perkhidmatan Cloud Storage kepada warga kerja Agensi Kerajaan Negeri Sabah.	JPKN SABAHNET	●	●	●	●	●

S2 PEMANTAPAN KESELAMATAN SIBER SEKTOR AWAM NEGERI

PENERAJU UTAMA

			2021	2022	2023	2024	2025
P1. Pemantapan Keselamatan Data	A1. Melaksanakan Pelan Induk Kesedaran Keselamatan Siber Negara (PIKKS) yang dikeluarkan di peringkat Negeri.	JPKN				●	●
	A2. Memantapkan Pengurusan Governance, Risk and Compliance (GRC)	JPKN			●	●	●
	A3. Pembangunan dan peningkatan Cyber Threat Resilience.	JPKN				●	●
P2. Pemantapan Keselamatan Infrastruktur	A1. Mengkaji dan merangka mekanisma pemantauan keselamatan	JPKN	●	●	●	●	●
	A2. Menaik taraf perkhidmatan pemantauan keselamatan Pusat Data Kerajaan Negeri (PDKN).	JPKN			●	●	●

TERAS STRATEGIK

3.

PENGUKUHAN TADBIR URUS ICT KERAJAAN NEGERI SABAH

S1 PEMANTAPAN TADBIR URUS DIGITAL		PENERAJU UTAMA	2021	2022	2023	2024	2025
P1. Rasionalisasi Tadbir Urus Digital	A1. Mewujudkan Sabah Digital & Multimedia Authority (SDMA) yang menentukan hala tuju Kerajaan dalam memacu agenda pendigitalan negeri.	KSTI, JPKN, JPBNS, MOF, UPEN			●	●	●
	A2. Memperkasakan jawatankuasa sedia ada yang berkaitan dengan ICT/Digital	KSTI JPKN			●	●	●
P2. Pembangunan Pekeliling dan Garis Panduan Inisiatif Digital dan Data	A1. Mewujudkan dan mengadaptasi pekeliling/garis panduan yang relevan dengan pendigitalan Sektor Awam	JPKN (MOF / KSTI)	●	●		●	●
	A2. Memperkukuhkan naziran pekeliling/garis panduan pendigitalan Sektor Awam	JPKN	●	●	●	●	●
P3. Pemantapan Jaminan Kualiti Perkhidmatan Digital	A1. Mengadaptasi struktur tadbir urus jaminan kualiti perisian Sektor Awam	JPKN (BPA) JPKN (BKK)				●	●
P4. Pemantapan Pengurusan Perolehan Projek Digital Sektor Awam	A1. Menyediakan pekeliling/garis panduan bagi penggunaan projek ICT.	MOF JPKN				●	●

TERAS STRATEGIK

3.

PENGUKUHAN TADBIR URUS ICT KERAJAAN NEGERI SABAH

S2 PEMERKASAAN EKOSISTEM PENGURUSAN PEMODENAN BAGI MENERAJUI PENDIGITALAN SEKTOR AWAM

PENERAJU UTAMA

			2021	2022	2023	2024	2025
P1. Pembangunan Organisasi Peneraju Perkhidmatan Digital Sektor Awam	A1. Mewujudkan satu Bahagian khusus peneraju pendigitalan sektor awam. - BIDDR	JPKN					
P2. Rasionalisasi Struktur dan Fungsi Perkhidmatan Digital Sektor Awam	A1. Membangunkan rangka Pelan Pendigitalan Sektor Awam - BPP	JPKN	●	●		●	●
	A2. Menyediakan Pelan Pendigitalan Sektor Awam - JKICT SANS	AGENCI KERAJAAN NEGERI					
	A3. Memantau pelaksanaan Pelan Pendigitalan Sektor Awam - JKICT SANS	JPKN					
P3. Pemantapan Ekosistem Perkhidmatan Awam	A1. Membangunkan mekanisme ekosistem pemodenan penyampaian sektor awam. - Pengurusan	JPKN					
	A2. Mengoptimumkan inovasi proses kerja bagi pemodenan perkhidmatan awam. - KID	AGENCI KERAJAAN NEGERI					

S3 PEMERKASAAN KEPIMPINAN STRATEGIK SEKTOR AWAM

PENERAJU UTAMA

			2021	2022	2023	2024	2025
P1. Pemerkasaan peranan Ketua Pegawai Digital (CDO)	A1. Mewujudkan Chief Digital Officer (CDO) di peringkat Kementerian/Agensi	AGENCI KERAJAAN NEGERI					
	A2. Menempatkan dan memperkasakan peranan CDO di peringkat Kementerian/Agensi	JPKN					
P2. Pemantapan Pengurusan ICT Kementerian / Agensi	A1. Mewujudkan Kumpulan Inovasi Digital di peringkat Kementerian/Agensi	JPKN	●	●		●	●
	A2. Memperkasakan peranan Kumpulan Inovasi Digital di peringkat Kementerian/Agensi	JPKN					
	A3. Menambahbaik peranan Ketua KSIT/Ketua Cawangan di peringkat Agensi Kerajaan - KID	JPKN					

TERAS STRATEGIK

4.

PEMERKASAAN PRODUK DAN PERKHIDMATAN

S1 PERLUASAN PELAKSANAAN PRODUK DAN PERKHIDMATAN		PENERAJU UTAMA	2021	2022	2023	2024	2025
P1. Perluasan dan Penggerak Utama	A1. Menjenamakan produk dan perkhidmatan ICT Jabatan.	JPKN (BKK)			●	●	●
	A2. Menetapkan penjenamaan untuk perkhidmatan digital sektor awam.	JPKN (BKK)			●	●	●
	A3. Mendapatkan pengiktirafan harga intelek bagi produk yang berimpak tinggi.	JPKN (BPA)				●	●
	A4. Peneraju utama dalam perkhidmatan multimedia sektor awam.	JPKN (BOT)	●	●	●	●	●
P2. Peningkatan Promosi Perkhidmatan	A1. Menyelaras promosi dan perkhidmatan jabatan secara menyeluruh (ROADSHOW).	JPKN (BKK)	●	●	●	●	●
	A2. Kolaborasi penyelarasan makmal inovasi berasaskan emerging technology (boleh bekerjasama dengan Majlis Pembangunan Teknologi dan Inovasi (MaPTIS) untuk mempromosikan inovasi).	JPKN (BIDDR)				●	●

TERAS STRATEGIK

5.

PEMERKASAAN DAN PENYEGARAN MODAL INSAN

S1 PEMERKASAAN KEUPAYAAN DAN PENGEKALAN BAKAT PEMIMPIN DIGITAL

PENERAJU UTAMA

Program	Objektif	Peneraju Utama	2021	2022	2023	2024	2025
P1. Pemerkasaan Program Kepimpinan Digital	A1. Melaksanakan program peningkatan kesedaran digital bagi kepimpinan digital	JPKN (BLK)	●	●	●	●	●
	A2. Mewujudkan Special Interest Group (SIG) di kalangan CIO, CDO dan ICTSO, Akademik, Swasta, AginIT	JPKN (BLK)		●	●	●	●
	A3. Mengadakan lawatan eksekutif dalam negara (exposure visit). Smart City Implementation, Green Technology Adoption.	JPKN (BLK)		●	●	●	●

S2 PENGUKUHAN PENGURUSAN DAN PENGEKALAN BAKAT PERSONEL PERKHIDMATAN SISTEM MAKLUMAT

PENERAJU UTAMA

Program	Objektif	Peneraju Utama	2021	2022	2023	2024	2025
P1. Pemerkasaan Pengurusan Modal Insan dan Kemajuan Kerjaya Personel Perkhidmatan Sistem Maklumat	A1. Memantapkan mekanisme penempatan Personel Perkhidmatan Sistem Maklumat mengikut bidang kepakaran	JPKN (BLK)			●	●	●
	A2. Mengukuhkan pelan penggantian untuk penempatan Personel Perkhidmatan Sistem Maklumat	JPKN (BLK)	●	●	●	●	●
P2. Pemantapan dan Pengekalan Bakat Personel Perkhidmatan Sistem Maklumat	A1. Membangunkan pelan kompetensi merangkumi silibus kursus mengikut bidang kepakaran	JPKN (BLK)				●	●
	A2. Membangunkan kompetensi melalui kolaborasi strategik bersama-sama dengan kumpulan akademik dan pihak industri	JPKN (BLK) JPKN (BKS) JPKN (BIPD) JPKN (BIDDR)			●	●	●
	A3. Meningkatkan Pengiktirafan Persijilan Profesional mengikut bidang kepakaran	JPKN (BLK)			●	●	●
P3. Pembangunan Keupayaan Kompetensi Personel Perkhidmatan Sistem Maklumat	A1. Memperkasakan pelan pembangunan keupayaan kompetensi Personel Perkhidmatan Sistem Maklumat.	JPKN (BLK)		●	●	●	●
	A2. Melaksanakan program keupayaan kompetensi Personel Perkhidmatan Sistem Maklumat	JPKN (BLK)			●	●	●

S3 PEMANTAPAN KOMPETENSI DIGITAL PERSONEL SEKTOR AWAM

PENERAJU UTAMA

Program	Objektif	Peneraju Utama	2021	2022	2023	2024	2025
P1. Pembangunan Public Sector Digital Talent	A1. Mengadaptasi Public Sector Digital Talent Roadmap seiring dengan Perkembangan teknologi semasa.	JPKN (BLK)			●	●	●
	A2. Melaksanakan program pembangunan kompetensi berdasarkan roadmap	JPKN (BLK)				●	●
	A3. Membangunkan kompetensi melalui kolaborasi strategik bersama-sama kumpulan akademik dan pihak industri.	JPKN (BLK)				●	●

TERAS STRATEGIK

6.

ADAPTASI KEMUNCULAN TEKNOLOGI BAHARU YANG RELEVAN


S1 PENGURUSAN DAN PENYELARASAN ADAPTASI KEMUNCULAN TEKNOLOGI BAHARU

PENERAJU UTAMA

PI. Pemerkasaan Tadbir
Urus Kemunculan
Teknologi Baharu
Sektor Awam.

AI. Menggunapakai dasar/garis panduan sedia ada ke arah pelaksanaan emerging technologies merangkumi kerangka pelaksanaan dan garis panduan.

JPKN (BIDDR)



S2 TRANSFORMASI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN DIGITAL KERAJAAN MELALUI EMERGING TECHNOLOGY

PENERAJU UTAMA

PI. kolaborasi/
Penyelarasan
Makmal inovasi
Kerajaan.

AI. Berkolaborasi/penyelarasan makmal inovasi (dengan academia/scenic) berasaskan emerging technology.

JPKN (BIDDR)



TERAS STRATEGIK

7.

MEMPERKUKUH PENGURUSAN DAN PENYELARASAN DATA

S1 PENGUKUHAN PENGURUSAN DAN PENYELARASAN DATA		PENERAJU UTAMA	2021	2022	2023	2024	2025
P1. Pengukuhan pengurusan dan penyelarasan data.	A1. Menyelaras dan menyediakan mekanisma perkongsian data.	JPKN			●	●	
	A2. Menyediakan perkhidmatan analisis data	JPKN			●	●	●
P2. Pengukuhan Struktur Tadbir Urus Data	A1. Menubuhkan sebuah unit baharu yang menerajui pelaksanaan inisiatif data. Bahagian Inovasi Digital dan Data Raya.	JPKN			●	●	●
	A2. Mewujudkan tadbir urus data negeri	JPKN			●	●	●
	A3. Mengadaptasi hala tuju nasional (National Data Strategy)	JPKN, BKD, JPAN, SABAHNET AGENSI KERAJAAN NEGERI			●	●	●
P3. Pengukuhan hab Perkongsian dan Pengurusan Data	A1. Mengoptimum hab perkongsian dan penggunaan data kerajaan iaitu penubuhan DIIP (data integration and interchange platform) di pusat data kerajaan sabah.	JPKN, BKD, SABAHNET				●	●
	A2. Melaksana peningkatan dan migrasi portal hab perkongsian dan pengurusan data	JPKN, BKD, SABAHNET				●	●
	A3. Melaksana peningkatan perkhidmatan integrasi dan web services (API).	JPKN SABAHNET				●	●

TERAS STRATEGIK

7.

MEMPERKUKUH PENGURUSAN DAN PENYELARASAN DATA

S2 PEMERKASAAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN BERASASKAN DATA

PENERAJU UTAMA

			2021	2022	2023	2024	2025
P1. Perluasan inisiatif Analitik Data Raya sektor awam (DRSA).	A1. Mengkaji dan mengenalpasti produk data raya berimpak tinggi sektor awam Negeri.	JPKN, BKD, SABAHNET				●	●
	A2. Membangunkan produk data raya berimpak tinggi sektor awam Negeri.	JPKN, BKD, SABAHNET					●
	A3. Memperluas produk data raya berimpak tinggi merentasi sektor awam negeri dan pemain industri.	JPKN, BKD, SABAHNET					●
P2. Pembangunan Analitik Data Raya dan Kecerdasan Buatan Sektor Awam.	A1. Kajian kesediaan pelaksanaan analitis data raya dan kecerdasan buatan sektor awam Negeri.	JPKN, BKD, SABAHNET AGENSI KERAJAAN NEGERI					●
	A2. Membangunkan inisiatif analitis data raya dan kecerdasan buatan sektor awam Negeri	JPKN, BKD, SABAHNET AGENSI KERAJAAN NEGERI					●
	A3. Melaksanakan kajian keberkesanan dan impak pelaksanaan data raya dan kecerdasan buatan di peringkat sektor Awam Negeri.	JPKN, SABAHNET AGENSI KERAJAAN NEGERI					●
	A4. Memberikan khidmat perundingan dan menjadi pakar rujuk dalam bidang analitis data raya dan kecerdasan buatan di peringkat sektor Awam.	JPKN				●	●
	A5. Melaksana penyelidikan inovasi analitik data raya dan kepintasan data.	JPKN				●	●

PENUTUP

Pelan Strategik PENDIGITALAN JPKN 2021-2025 ini merupakan satu panduan yang menggariskan bagi mencapai agenda Pendigitalan Penyampaian Perkhidmatan Kerajaan Negeri Sabah. Kejayaan pelaksanaan program yang dirancang bagi menyokong dan mencapai objektif teras strategik memerlukan kerjasama dan kolaboratif antara Kementerian dan agensi Sektor Awam Negeri Sabah.

Usaha-usaha bersama antara agensi-agensi Kerajaan Negeri Sabah yang telah dilaksanakan perlu diteruskan bagi memantapkan lagi Kerajaan Negeri yang saling berhubung dan seterusnya mencapai aspirasi Kerajaan Digital. Pelan ini dipantau dan disemak semula selepas dua tahun pelaksanaannya bagi memastikan penjajaran dengan hala tuju Pembangunan Negeri.

Pelaksanaan pelan ini amat memerlukan sokongan pemimpin dan tadbir urus yang kolaboratif dan dinamik demi memastikan usaha yang dijalankan berterusan bagi kemampuan pembangunan inisiatif ICT yang dirancang.



HUBUNGI KAMI



Aras 6 & 7, Blok A,
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah,
Jalan UMS, Teluk Likas, 88400
Kota Kinabalu, Sabah.



088-368900



088-215116



jpkn@sabah.gov.my (preferred)

[HTTPS://JPKN.SABAH.GOV.MY/](https://jpkn.sabah.gov.my/)